



KONTINJEN UMS yang menyertai ITEX 2012.

# UMS cemerlang dalam ITEX 2012

UB 23/05/12 BB

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menyertai Pameran Teknologi dan Inovasi, Rekacipta Antarabangsa ke-23 (ITEX) 2012 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) yang berlangsung pada 17-19 Mei 2012.

Pada pameran antarabangsa itu, UMS memenangi sebanyak lapan pingat iaitu dua pingat emas, tiga pingat perak dan tiga pingat gangsa, daripada sembilan rekacipta penyelidikan yang dihantar.

Timbalan Pendaftar Kanan, Pusat Penyelidikan dan Inovasi UMS, Mohd Raffie Hj. Janau

berkata Prof. Madya Dr. Charles S. Vairappan telah memenangi dua pingat emas melalui rekacipta penyelidikan beliau yang bertajuk 'Marine Biopolymer: Bioactive Polymer of Marine Sponge Bacteria' dan 'Novel Lead Pharmaceutical Compound : Anti-Cancer and Anti Microbe'.

Tiga pingat perak diperolehi melalui Prof. Madya Dr. Balakrisnan Parasuraman, Prof. Madya Dr. Chye Fook Yee dan Awang Ahmad Mohd Yunus.

Penyertaan sulung Dr. Pushpa M. Palaniappan dan Ir Hj. Othman Hj. Ahmad

telah berjaya memperolehi pingat gangsa serta begitu juga Prof. Madya Dr Muhammad Iftikhar.

Mohd. Raffie berkata, ITEX 2012 kali ini telah menarik minat beberapa syarikat untuk mengadakan kolaborasi bagi tujuan pengkomersilan produk-produk UMS antaranya melalui rekacipta

oleh Prof. Madya Dr. Chye Fook Yee D'Jus, 'An Instant Dehydrated Probiotic Juice', selain itu inovasi kaedah penanaman Tongkat Ali yang dikenali sebagai Eurypot oleh Ag. Ahmad Mohd Yunus serta satu sistem perisian yang bertajuk 'Managing The

Employment of Senior Citizen in Malaysia: An Innovative Approach'.

Sementara itu, Pengurus Penganjur, Prof. Emeritus Tan Sri Datuk Dr. Augustine S.H. Ong berkata penyertaan ITEX 2012 kali ini telah meningkat di mana sekitar 830 penyertaan telah diterima daripada dalam dan luar negara.

Menurutnya, sebanyak 13 penyertaan luar negara telah diterima antaranya dari negara Russia, Saudi Arabia, Poland dan Korea manakala penyertaan dari Malaysia adalah daripada IPTA, IPTS, kolej, politeknik dan agensi kerajaan.